

Anwar arah semua RTB dibina segera

Projek tetap lalui proses tender, pembinaan dilaksana Jun

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Segamat: Selepas menangguhkan beberapa projek tebatan banjir sebelum ini kerana kelulusan dibuat secara rundingan terus, kerajaan semalam mengarahkan ia dilaksanakan segera bagi mengelakkan bencana banjir berulang semula sehingga menjejaskan kehidupan rakyat.

Selepas melawat mangsa banjir di sini, semalam, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bernilai RM600 juta ke atas, termasuk yang ditangguhkan sebelum ini diluluskan dan disegerakan pembinaannya mulai Jun ini.

Namun, Perdana Menteri berkata ia tetap dilaksanakan menerusi proses tender walaupun perlu disegerakan.

"Kita akan proses tender (untuk projek RTB) walau perlu segera. Semua projek RTB yang diluluskan harus beroperasi mulai Jun ini... tak boleh dilengahkan lagi," katanya pada sidang media di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Tengah, di sini, semalam, selepas menyantuni mangsa banjir di pusat berkenaan. Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Terdahulu, Anwar diiringi Onn Hafiz meninjau PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gemerah.

Perdana Menteri berkata, keputusan kerajaan menyegerakan projek RTB adalah bagi mengelakkan bencana banjir berulang.

"Isu banjir kalau tidak lakukan apa-apa yang serius, ia akan berulang. Banjir ini bukan kali pertama, bertahun-tahun dan di sini sudah dua kali banjir besar.

"Oleh itu kita putuskan semua projek mahal iaitu RM600 juta atau lebih untuk RTB akan disegerakan.

"Tempoh hari (ketika membentangkan Belanjawan 2023) saya tangguh sebentar (projek RTB) kerana kita tidak mahu ada ketirisan, kecurian dalam peruntukan yang disediakan untuk bantu rakyat," katanya.

Sebelum ini pada pembentangan Belanjawan 2023, Perdana Menteri mengumumkan enam projek tebatan banjir bernilai kira-kira RM7 bilion akan ditender semula, termasuk RTB di Sungai Johor, Kota Tinggi.

Selain RTB Sungai Johor, projek lain yang akan ditender semula termasuk pembinaan kolam takungan dwifungsi bagi tebatan banjir dan sumber bekalan air mentah di Sungai Rasau dan Sungai Klang, Selangor.

Amaran jangan cari habuan

Dalam pada itu, Anwar memberi amaran keras supaya mana-mana pihak jangan mencari peluang mendapatkan habuan tambahan membabitkan peruntukan kerajaan terutama untuk banjir.

"Kita mahu beri amaran keras jangan guna peruntukan semasa banjir atau darurat atau apa jua masalah dihadapi rakyat, jangan guna itu bagi mencari peluang untuk habuan tambahan," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, Onn Hafiz memaklumkan beberapa projek baharu berkaitan te-

batan banjir diperlukan di Johor.

"Saya maklumkan oleh kerana kerajaan boleh jimatkan kos antara RM1 hingga RM2 bilion daripada projek lama, wang itu boleh dipindahkan untuk projek baharu.

"Projek baharu ini membabitkan Segamat, Kota Tinggi dan kawasan kritikal lain dilanda banjir," katanya.

Pada sidang media sama, Anwar berkata kerajaan tidak akan mengisytiharkan darurat kerana situasi banjir di Johor ketika ini dalam keadaan terkawal.

"Keputusan tidak isytihar darurat kerana hujan dijangka berkurangan dan di beberapa tempat sudah mula surut," katanya.

Jumaat lalu, kerajaan mengumumkan bantuan khas RM50 juta kepada Johor, manakala RM10 juta lagi melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi membeli barangan keperluan dan bantuan tambahan kepada penduduk terjejas.

Anwar berkata, kerajaan negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan juga akan menghantar lori pengangkut sampah ke Johor bagi tujuan pembersihan.

"Kumpulan mahasiswa dan badan bukan kerajaan (NGO) juga akan diselaraskan bagi membantu penduduk membersihkan rumah selepas banjir surut.

"Saya juga telah menghubungi beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk membantu mangsa banjir di Johor, termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk selesaikan masalah elektrik dengan segera," katanya.

"Yayasan Sime Darby akan menyediakan kit kesihatan kepada 1,500 keluarga selain menyalurkan dana tambahan RM20 juta untuk mangsa banjir di negeri ini," katanya.